



# جياتن كحاكيمان شرعية هليسيا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5  
Takwim : 5 Zulkaedah 1421  
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### **Arahan Amalan No. 5 Tahun 2001**

#### **Penyelarasan Masa Bersidang Mahkamah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9 – 11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung Penyelarasan Masa Bersidang Mahkamah. Mahkamah hendaklah mula bersidang jam 9.00 pagi dan rehat jam 11.00 tengahari selama 15 minit dan disambung semula hingga jam 12.30 tengahari. Bagi sesi petang Mahkamah bersidang semula pada jam 2.15 petang hingga 4.00 petang.

2. Bagi hari bertugas separuh akhir, Mahkamah boleh untuk tujuan-tujuan lain tidak bersidang atau sebaliknya.
3. Bagi negeri-negeri yang bekerja pada hari Jumaat waktu bersidang jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan sidang sebelah petang ialah pada jam 3.00 petang hingga 4.00 petang.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur  
2 Febuari 2001